



**UCAPAN PERASMIAN
YB DATUK HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI PANGLIMA MOHD DUN
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

**PROGRAM *ROADSHOW*
PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL ZON SELATAN**

MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BHARU TENGAH

**12 MAC 2016 (SABTU)
10.30 PAGI**

[SALUTASI]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh selamat pagi,
salam sejahtera, salam 1 perpaduan dan salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat berkumpul pada pagi ini untuk bersama-sama bergerak, seiring selangkah dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dalam usaha untuk memperkasakan golongan sasaran kementerian iaitu ibu tunggal.

2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada YB Datuk/Datin/Tuan/Puan, Pengerusi Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK), PERWANI, Badan NGO dan Persatuan Ibu Tunggal daripada Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan kerana telah sama-sama meluangkan masa serta memberikan komitmen dan kesungguhan yang tinggi bagi menghadiri *Roadshow* Pelan Tindakan Pemeraksanaan Ibu Tunggal kita pada hari ini.

Hadirin yang saya hormati,

ROADSHOW PELAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL

3. Apabila kita bercakap mengenai Kesejahteraan Ibu Tunggal, ianya mewakili skop yang besar dan saling berbalik kepada keperluan Ibu Tunggal dan keperluan ini berbeza mengikut ibu tunggal itu sendiri, baik di bandar mahupun di luar bandar. Saya telah berjumpa dengan pelbagai Persatuan Ibu Tunggal dan Ibu Tunggal secara individu, antara perkara yang sering dibangkitkan adalah berkenaan bantuan kewangan,

kaunseling, bantuan guaman bagi tuntutan hak-hak seorang ibu tunggal seperti harta sepencarian, hadhanah, fara'id, keperluan kursus bagi memperkasakan ekonomi ibu tunggal dan bermacam-macam lagi.

4. Alhamdulillah kita mempunyai Perdana Menteri yang peka dan mengambil berat tentang kesejahteraan dan kebajikan Ibu Tunggal. Jesteru pada Oktober 2015, Kerajaan telah melancarkan **Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal** yang berperanan untuk mengdayaupaya dan memperkasakan ibu tunggal.

5. Pelan Tindakan tersebut **merangkumi 19 langkah strategik berdasarkan 3 teras utama iaitu memperkasa ekonomi, meningkatkan kesejahteraan sosial dan meningkatkan pelaksanaan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan ibu tunggal.**

6. Adalah menjadi harapan saya agar para hadirin memahami aspirasi yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal seperti yang telah dibentang pada slot sebentar tadi dan yakinlah bahawasanya Kerajaan tidak

memandang enteng kepada keupayaan ibu tunggal sebagai salah satu golongan yang mampu memacu ekonomi Negara.

Hadirin yang dihormati,

ROADSHOW PELAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL

9. Negeri Johor Darul Takzim adalah destinasi kelima bagi roadshow ini setelah menjelajah negeri Sarawak, Kedah, Terengganu dan Selangor bagi memperkenalkan dan mewar-warkan Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal kepada semua pihak berkepentingan dengan mengadakan program

roadshow agar setiap langkah strategik dalam Pelan Tindakan ini akan dapat mencapai matlamatnya. Seterusnya nanti *roadshow* ini akan menjelajah ke negeri Pahang **dan diakhiri di Sabah pada penghujung Mac ini agar ibu tunggal di setiap pelusuk sedar dan mengetahui akan Pelan Tindakan ini.**

Merah warna pucuk daun kurma

Paling molek di taman pinggiran

Marilah semua duduk bersama

Saling bicara berkongsi buah pemikiran

10. Pandangan, lontaran idea dan maklum balas daripada hadirin pada hari ini amat diharapkan dalam memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan kepada ibu tunggal. Kami telah mendengar suara dan pendapat dari negeri-negeri di Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Utara dan negeri Sarawak dan hari ini saya mohon ibu tunggal dari Zon Selatan mengambil peluang ini untuk bersuara bagi kepentingan kesejahteraan golongan ibu tunggal.

11. Segala cadangan, input dan maklumbalas hasil daripada sesi dialog bersama para peserta sepanjang roadshow ini akan dikumpul, diteliti dan dianalisa sebelum dibawa ke Task Force Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang dipengerusikan oleh saya sendiri. Bak kata bidalan, “lain padang, lain belalang”, maklumbalas di sepanjang roadshow akan membantu kerajaan dalam menyelaraskan program-program yang akan memberi manfaat yang optimum kepada golongan ibu tunggal.

12. Task Force ini yang terdiri daripada 34 agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi, NGO dan Sektor swasta antaranya **Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Majlis Pertubuhan Ibu Tunggal Kebangsaan Malaysia, NCWO, Amanah Iktihar Malaysia, TEKUN dan lain-lain lagi.**

Hadirin yang saya hormati,

DATA IBU TUNGGAL

13. Dikesempatan ini juga, saya mewakili KPWKM ingin memohon bantuan semua pihak dalam memantapkan pengkalan data ibu tunggal yang dibangunkan Jabatan Pembangunan Wanita. **Sehingga Mac 2016, pengkalan data tersebut merekodkan pendaftaran ibu tunggal sebanyak 83 775 orang, jumlah ini yang masih sedikit** berbanding dengan data daripada Statistik Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia tahun 2010 iaitu daripada 13.9 juta wanita di Malaysia, 235,240 merupakan ibu tunggal. Bagi Zon Selatan, seramai **8 254 ibu tunggal di Johor, 6 022 ibu tunggal di Negeri Sembilan dan 4 441 di**

negeri Melaka telah mendaftar dengan Jabatan Pembangunan Wanita.

14. Sehubungan itu, saya mohon agar semua Persatuan Ibu Tunggal dan pihak-pihak berkepentingan untuk lebih fokus dalam membantu memastikan para ibu tunggal mendaftar melalui Portal MyWanita, di laman sesawang www.mywanita.gov.my atau datang sahaja ke salah satu daripada lima belas (15) buah Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) di seluruh Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak.

15. Saya akan membawa kepada perhatian pengurusan tertinggi KPWKM untuk mewujudkan One Stop Center khusus bagi ibu tunggal di UTC seluruh negara sebagai salah satu inisiatif mewujudkan aksesibiliti yang mudah kepada ibu tunggal terutamanya yang ingin mendaftar dan mengutarakan soalan dalam mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan ibu tunggal.

16. Saya juga akan melihat keperluan untuk mewujudkan One Stop Centre di RTC di seluruh negara dengan kerjasama NGO Ibu Tunggal sebagai salah satu langkah memastikan ibu tunggal di luar bandar mendapat akses bagi mendaftar dan mendapatkan perkhidmatan bagi golongan tersebut.

Hadirin yang saya hormati,

17. Sebelum mengakhiri ucapan pagi ini, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Ibu Pejabat dan Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Johor yang

telah berusaha gigih bagi merealisasikan program ini. Sekalung penghargaan serta ucapan terima kasih kepada ahli-ahli panel, rakan strategik KPWKM, Agrobank dan hadirin sekalian yang hadir ke *roadshow* kita pada hari ini. Semoga sesi penerangan dan sesi dialog yang dianjurkan membuka ruang pada Kementerian untuk memahami dengan lebih mendalam keperluan dan isu-isu yang dihadapi oleh kumpulan ini.

18. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar ibu tunggal dan badan NGO yang berkaitan sentiasa memberikan sokongan yang kepada Kerajaan dalam melaksanakan Pelan Pemerkasaan Ibu Tunggal. Saya yakin dengan kerjasama yang erat oleh ibu tunggal dan badan NGO serta kementerian-kementerian dan agensi kerajaan dan pihak swasta yang berkaitan, perjuangan kita dalam mendayaupaya dan memperkasa golongan ibu tunggal akan dapat direalisasikan.

Serikandi gagah berkuda pedati,
Tanpa getir menempuh halangan;
Ayuh kita bersatu hati,
Satu matlamat satu perjuangan

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan *Roadshow* Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal Zon Selatan pada hari ini.
Sekian, terima kasih.